



SIKAP DAN MOTIVASI GURU TERHADAP BAHAN
PENGAJARAN TEKS *SULALATUS SALATIN*
BERASASKAN VIDEO



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURUL SHUHADA BINTI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



SIKAP DAN MOTIVASI GURU TERHADAP BAHAN
PENGAJARAN TEKS *SULALATUS SALATIN*
BERASASKAN VIDEO

NURUL SHUHADA BINTI ABDUL AZIZ

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...12...(hari bulan).....12..... (bulan) 20.23...

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURUL SHUHADA BINTI ABDUL AZIZ (M20201000909) DARI FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk SIKAP DAN MOTIVASI GURU TERHADAP BAHAN PENGAJARAN TEKS SULALATUS SALATIN BERASASKAN VIDEO

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. Madya DR NORAZIMAH BINTI ZAKARIA (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk SIKAP DAN MOTIVASI GURU TERHADAP BAHAN PENGAJARAN TEKS SULALATUS SALATIN BERASASKAN VIDEO

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12.02.2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia
PROF. Madya DR. NORAZIMAH BT ZAKARIA
PENSYARAH KANAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKAS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
norezimah@fbk.upsi.edu.my



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: SIKAP DAN MOTIVASI GURU TERHADAP BAHAN PENGAJARAN
TEKS SULALATUS SALATIN BERASASKAN VIDEO

No. Matrik / Matric's No.: M20201000909

Saya / I: NURUL SHUHADA BINTI ABDUL AZIZ

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)


PROF. MADYA DR. NORAZIMAH BT ZAKARIA
PENSYARAH KANAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
norezimah@fkk.upsi.edu.my

Tarikh: 28.05.2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah dan saya sangat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia - Nya dapat saya menyiapkan kertas cadangan penyelidikan ini dengan jayanya. Bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan berkat dan izin - Nya yang telah memberi kesihatan yang baik untuk saya selama saya menyiapkan kajian ini. Saya Nurul Shuhada binti Abdul Aziz ingin mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Norazimah binti Zakaria selaku penyelia saya yang telah banyak membantu saya dengan memberi dorongan, kerjasama, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang saya menyiapkan kertas cadangan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI yang telah membantu saya langsung atau tidak langsung. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada insan terpenting dalam hidup saya iaitu ibu bapa saya iaitu Encik Abdul Aziz bin Harun dan Puan Hasnah binti Md Noh yang telah membantu serta berkorban untuk saya dari segi kewangan, memberi sokongan moral dan selalu berdoa untuk kejayaan saya dan untuk menyiapkan kertas cadangan penyelidikan ini. Ibu bapa merupakan pembakar semangat saya untuk terus ke hadapan dan menghabiskan pengajian. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada keluarga saya iaitu Mohd Irwan (abang), Nor Hisyam (kembar) dan Haiqal Hafizi (adik) yang sentiasa memberi semangat, sokongan dan nasihat kepada saya saat saya jatuh. Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat seperjuangan saya, Nor Asyfaa binti Mansor yang tidak pernah lelah untuk memberi bantuan, semangat, dorongan serta pandangan kepada saya untuk menyiapkan kertas cadangan penyelidikan ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada semua insan yang telah membantu saya menyiapkan kajian ilmiah ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah SWT membalas jasa baik anda semua. Sekian terima kasih.



ABSTRAK

Sikap dan motivasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas amat penting. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap guru terhadap pengajaran teks *Sulalatin Salatin* berdasarkan pendekatan struktural; mengenal pasti motivasi guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan struktural; serta menganalisis hubungan antara sikap dan motivasi guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan struktural. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif bagi menjawab tiga persoalan dan dua hipotesis. Satu set instrumen iaitu borang soal selidik telah digunakan untuk mengukur sikap dan motivasi guru terhadap bahan pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berdasarkan video. Responden kajian terdiri daripada 32 orang guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan enam yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Analisis Korelasi Pearson r menunjukkan hubungan yang sangat lemah antara sikap dan motivasi guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan Struktural. Dapatan kajian menunjukkan bahawa item soalan B17 “Guru menerangkan nilai kebijaksanaan Tun Perak mengatur strategi peperangan dalam bentuk teks” mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu ($M = 3.2500$; $SP = 0.56796$). Selain itu, item soalan C7 “Guru lebih bermotivasi untuk menggunakan video berbanding bentuk animasi semasa menerangkan plot *Hendak Mengetahui Isi Laut*” mendapat nilai skor min tertinggi iaitu ($M = 3.2500$; $SP = 0.50800$). Seterusnya, dapatan kajian mendapati bahawa hubungan yang sangat lemah antara sikap guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berasaskan video dengan motivasi guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berasaskan video, iaitu nilai $p = .000$ yang merekodkan $p < 0.01$ dengan nilai korelasi r ialah -0.193 . Implikasi kajian menunjukkan bahawa sikap guru yang rajin semasa pengajaran teks *Sulalatin Salatin* dijangka dapat meningkatkan motivasi guru untuk mengajar teks tersebut dalam bentuk video. Kajian yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan di sekolah menengah yang mempunyai tingkatan enam untuk mengenal pasti kesan sikap seseorang guru dalam mempengaruhi motivasinya semasa pengajaran di dalam kelas.





TEACHERS' ATTITUDE AND MOTIVATION TOWARD VIDEO-BASED SULALATUS SALATIN TEXT TEACHING MATERIALS

ABSTRACT

The objectives of this study are to identify the teachers' attitude and motivation towards the teaching of Sulalatin Salatin text in the form of video based on structural approach and finally to analyze the relationship between the teachers' attitude and motivation towards the teaching of Sulalatus Salatin text in video form based on structural approach. A quantitative research study was conducted to answer three questions and two hypotheses. A set of instruments was used to measure the teachers' attitude and motivation towards the use of Sulalatus Salatin text in the form of video as teaching materials. A total of 32 teachers teaching Malay Literature in the sixth form were selected as respondents using purposive sampling technique. Pearson's Correlation Analysis (r) shows a very weak relationship between the teacher's attitude and motivation towards the teaching of the Sulalatus Salatin text in the form of video based on the structural approach. The findings of the study show that question item B17 "Guru menerangkan nilai kebijaksanaan Tun Perak mengatur strategi peperangan dalam bentuk teks" with the highest mean score value which is ($M = 3.2500$; $SP = 0.56796$). In addition, question item C7 "Guru lebih bermotivasi untuk menggunakan video berbanding bentuk animasi semasa menerangkan plot *Hendak Mengetahui Isi Laut*" got the highest mean score value ($M = 3.2500$; $SP = 0.50800$). Next, the research findings found that there is a very weak relationship between the teachers' attitude and motivation towards the teaching of Sulalatus Salatin text in video form based on structural approach, that is, the value of $p = .000$ which records $p < 0.01$ with the correlation value of r is -0.193 . The implications of the study suggest that the diligent attitude of teachers during the teaching of Sulalatin Salatin texts is expected to increase the motivation of teachers to teach Sulalatin Salatin texts in the form of videos. A more comprehensive study needs to be carried out in multiple secondary schools in different districts or states that have students studying in the sixth form to further evaluate the effect of teachers' attitude towards their motivation during teaching and learning in the classroom.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xix

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Soalan Kajian	18
1.6 Hipotesis Kajian	19



1.7 Pendekatan dan Kerangka Teori Kajian	20
1.7.1 Pendekatan Struktural	21
1.8 Batasan Kajian	23
1.9 Definisi Operasional	24
1.9.1 Sikap	25
1.9.2 Motivasi	26
1.9.3 Video dalam Pengajaran	27
1.9.4 Sulalatus Salatin	28
1.10 Kepentingan Kajian	28
1.10.1 Mahasiswa - Mahasiswi	29
1.10.2 Guru Kesusasteraan Melayu	30
1.10.3 Pihak Sekolah	30
1.10.4 Pihak Institusi Pendidikan	31
1.10.5 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	31
1.11 Kesimpulan	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	35
2.2 Kajian Literatur Mengenai Sikap Guru	37
2.3 Kajian Literatur Mengenai Motivasi Guru	55
2.4 Kajian Literatur Mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	67
2.5 Kajian Literatur Mengenai Pengajaran Video	89

2.6 Kajian Literatur Mengenai Kesusasteraan Melayu	102
2.7 Kajian Literatur Mengenai Teks Sulalatus Salatin	116
2.8 Kajian Literatur Mengenai Pendekatan Struktural	130
2.9 Kesimpulan	138

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	141
3.2 Kaedah Kajian	143
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	144
3.4 Instrumen Kajian	147
3.4.1 Latar Belakang Guru	149
3.4.2 Sikap Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berasaskan Video Berdasarkan Pendekatan Struktural	150
3.4.3 Motivasi Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berasaskan Video Berdasarkan Pendekatan Struktural	151
3.5 Kajian Rintis	152
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	154
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	156
3.7.1 Pelaksanaan dan Penilaian	156
3.8 Teknik Menganalisis Data	159
3.9 Pendekatan Kajian	162

3.9.1 Pendekatan Struktural	162
3.10 Kesimpulan	164

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan	167
4.2 Sikap dan Motivasi Guru Terhadap Penghayatan Teks Sulalatus Salatin Berdasarkan Pendekatan Struktural	168
4.2.1 Sikap Guru Terhadap Penghayatan Teks Sulalatus Salatin Berdasarkan Pendekatan Struktural	170
4.2.2 Motivasi Guru Terhadap Penghayatan Teks Sulalatus Salatin Berbentuk Video Berdasarkan Pendekatan Struktural	172
4.3 Sikap dan Motivasi Guru Terhadap Penghayatan Teks Sulalatus Salatin dalam Pengajaran Berbentuk Video Berdasarkan Pendekatan Struktural	173
4.3.1 Latar Belakang Responden	174
4.3.2 Sikap Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berasaskan Video Berdasarkan Pendekatan Struktural	182
4.3.3 Motivasi Guru Terhadap Pengajaran Teks	196

Sulalatus Salatin Berbentuk Video

Berdasarkan Pendekatan Struktural

4.4 Hubungan Antara Sikap dan Motivasi Guru	213
---	-----

Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin

Berasaskan Video

4.5 Kesimpulan	216
----------------	-----

BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	218
-----------------	-----

5.2 Ringkasan Kajian	219
----------------------	-----

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	220
---------------------------------	-----

5.3.1 Sikap Guru Terhadap Penghayatan Teks	220
--	-----

Sulalatus Salatin Berasaskan Pendekatan

Struktural

5.3.2 Motivasi Guru Terhadap Penghayatan Teks	222
---	-----

Sulalatus Salatin Dalam Pengajaran

Berasaskan Video Berdasarkan Pendekatan

Struktural

5.3.3 Hubungan Antara Sikap dan Motivasi Guru	223
---	-----

Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin

Berasaskan Video

5.4 Rumusan Kajian	224
--------------------	-----

5.5 Implikasi dan Sumbangan Dapatan Kajian	226
--	-----



5.6 Cadangan Kajian	229
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	231
5.8 Kesimpulan	233
 RUJUKAN	 236
LAMPIRAN	249



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Sampel Krejcie & Morgan (1970)	147
3.2	Item Soal Selidik Bagi Sikap Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berasaskan Pendekatan Struktural	151
3.3	Item Soal Selidik Bagi Motivasi Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berasaskan Video	152
4.1	Taburan Kekerapan, Peratus, Peratus Sah dan Peratus Terkumpul Responden Mengikut Jantina	175
4.2	Taburan Kekerapan, Peratus, Peratus Sah dan Peratus Terkumpul Responden Mengikut Umur	176
4.3	Taburan Kekerapan, Peratus, Peratus Sah dan Peratus Terkumpul Responden Mengikut Agama	178
4.4	Taburan Kekerapan, Peratus, Peratus Sah dan Peratus Terkumpul Responden Mengikut Bangsa	179
4.5	Taburan Kekerapan, Peratus, Peratus Sah dan Peratus Terkumpul Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	181
4.6	Jumlah responden, Min, Median, Mod dan Sisihan Piawai bagi Sikap Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Pendekatan Struktural	183
4.7	Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Sikap Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berasaskan Video Berdasarkan Pendekatan Struktural	185
4.8	Jumlah responden, Min, Median, Mod dan Sisihan Piawai bagi Motivasi Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berbentuk Video Pendekatan Struktural	196



4.9	Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Motivasi Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berbentuk Video Berdasarkan Pendekatan Struktural	199
4.10	Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Sikap dan Motivasi Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berasaskan Video	214
4.11	Hubungan Antara Sikap dan Motivasi Guru Terhadap Pengajaran Teks Sulalatus Salatin Berasaskan Video	215



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Pendekatan Struktural	22
3.1	Proses Pengumpulan Data	159
3.2	Pendekatan Struktural	163
4.1	Responden Mengikut Jantina	175
4.2	Responden Mengikut Umur	177
4.3	Responden Mengikut Agama	178
4.4	Responden Mengikut Bangsa	180
4.5	Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	181



SENARAI SINGKATAN

ABBM	Alat Bahan Bantu Mengajar
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BM	Bahasa Melayu
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DVD	Digital Video Disc <i>or</i> Digital Versatile Disc
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPTV	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
GPI	Guru Pendidikan Islam
HTML	Hyper Text Markup Language
ICT	Information and Communications Technology
IT	Information Technology
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPPP	Jabatan Perlesenan dan Pembangunan Penjaja
JPSM	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Malaysia
KM	Kesusasteraan Melayu
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia





LCD	Liquid Crystal Display
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
MOOCs	Massive Open Online Courses
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPBK	Pembelajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer
PPBT	Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas
PPM	Penyediaan dan Pembuatan Makanan
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSMI	Pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris
RMK9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SMCR	Source-Message-Channel-Receiver
SMK KDSK	Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Dato' Seri Kamaruddin
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPSS	Statistical Package for the Social Science
TAM	Technology Acceptance Model
TDI	Teori Difusi Inovasi





TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TRA	Theory Reasoned Action
UNESCO	United Educational, Scientific and Cultural Organization
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

A BORANG SOAL SELIDIK

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahagian bab pendahuluan ini menghuraikan latar belakang dan penerangan tentang tajuk kajian. Bahagian ini akan memperincikan tentang pernyataan masalah, objektif dan soalan kajian di mana ianya merupakan isi penting dalam melaksanakan sesuatu kajian penyelidikan. Seterusnya, bahagian ini juga akan menghuraikan batasan dan teori serta konsep operasional yang digunakan dalam kajian ini. Tambahan lagi, bahagian ini jua, turut membincangkan keperluan kajian yang dapat mendatangkan faedah dan dijadikan sebagai panduan kepada pelbagai pihak.

Secara umum, ICT (*Information and Communications Technology*) bermaksud penggunaan peralatan telekomunikasi yang dapat menghubungkan dan memperoleh maklumat dalam pelbagai bidang yang merangkumi semua aspek kehidupan. Beberapa contoh kemudahan alat perhubungan yang memainkan peranan ialah teknologi satelit, internet, komputer, telefon pintar dan laptop. Dengan menggunakan peralatan telekomunikasi ini, kita dapat mencari, menyimpan, memperoleh, memanipulasikan dan menyampaikan maklumat serta dapat menghubungkan antara satu sama lain. Peralatan ICT berjaya meningkatkan keupayaan dan memudahkan pertukaran maklumat dalam hampir kesemua sektor iaitu, perdagangan, perniagaan, perbankan, perindustrian, peperangan, perubatan, pengangkutan dan perhubungan.

Kegunaan alat komunikasi seperti multimedia dapat meningkatkan kualiti kehidupan manusia secara tidak langsung. Penggunaan teknologi ICT sudah menjadi satu keperluan dalam semua aspek kehidupan seperti perubatan, pentadbiran, perniagaan, perdagangan, hiburan, pelancongan dan tidak terkecuali bidang pendidikan. Kemajuan dalam bidang teknologi tidak dapat dielakkan. Antara salah satu negara yang masih berada pada tahap sederhana, Malaysia telah banyak melaksanakan dan menerapkan penggunaan alat penyebaran maklumat secara elektronik dalam sektor pendidikan di negara ini. Ini dapat membantu dalam mencapai matlamat negara iaitu, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam meniti arus pembangunan dan kemajuan negara, Malaysia kini menghadapi pelbagai cabaran dalam pelbagai bentuk seperti bencana alam sekitar,



perpaduan, kegawatan ekonomi dan masalah kesihatan yang sedang melanda di seluruh dunia. Oleh itu, demi mewujudkan sebuah negara bangsa yang berkualiti dan berdaya saing setanding dengan negara - negara luar, Malaysia haruslah bermula dengan meningkatkan sistem pendidikan yang telah sedia ada. Hal ini kerana kemajuan sesebuah negara bangsa itu bermula dengan sistem pendidikannya yang akan melahirkan masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan, berakhlak mulia, berketerampilan serta berdaya saing. Ini secara tidak langsung, mampu berdaya saing bersama negara lain di seantero dunia.

Contoh sektor yang mendapat banyak menerima manfaat daripada kemajuan ICT ialah pendidikan. Sejak dahulu lagi, radio dan televisyen telah menjadi alat penyampai pendidikan secara terus kepada murid serta masyarakat tanpa mengira di mana mereka berada. Apabila alat seperti kaset dan radio diperkenalkan, kemudian diikuti dengan *Digital Versatile Disc or Digital Video Disc* yang turut dikenali sebagai DVD dan cakera liut serta cakera padat, isi kandungan pendidikan telah dapat disampaikan secara berulang - ulang dan dengan lebih fleksibel dari segi masa dan tempat. Namun, alat yang paling berpengaruh dan berguna bagi menyebar serta mendapatkan maklumat pendidikan pada masa kini ialah pelbagai perkakasan dan perisian untuk rangkaian internet. Segala bentuk media untuk menyampaikan maklumat yang sebelum ini disampaikan oleh peralatan ICT lain telah dapat disampaikan dan diterima melalui internet. Sekarang, selain daripada membaca, kita juga dapat mendengar radio dan menonton televisyen serta video menerusi internet. Kemajuan ICT secara amnya telah membolehkan suara, teks dan imej bertukar tangan menerusi internet.



Negara ini sangat menitikberatkan dan mewajibkan rakyatnya mendapatkan pendidikan yang berkualiti serta ilmu pengetahuan yang berguna dalam kehidupan seharian. Akta Pendidikan pada tahun 1996 mewajibkan anak - anak diberi pendidikan rendah dan menengah oleh ibu bapa mereka. Pendidikan ini penting bagi menjamin keberhasilan murid mencapai modal insan yang cemerlang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Sekiranya ibu bapa berkemampuan gagal berbuat demikian, ibu bapa boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada tempoh enam bulan atau kedua - duanya sekali. Oleh itu, pendidikan dalam kalangan rakyat merupakan perkara yang utama untuk meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan taraf hidup negara tersebut. Contohnya, negara negara maju seperti Finland telah menitikberatkan pendidikan dalam kalangan rakyatnya.

KPM atau nama panjangnya iaitu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka dan mengatur beberapa dasar serta pelan pembangunan bagi meningkatkan sistem pendidikan di negara ini. Antara dasar atau pelan pendidikan yang telah dibangunkan dan sedang dilaksanakan ialah Pendidikan, *Malaysia Education for All* (2000-2015), Dasar Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 (PPPM). Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah dasar yang paling penting dalam sistem pendidikan negara. Dasar Pendidikan Kebangsaan telah dimurnikan daripada Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1961).

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah kerajaan yang berdaya saing dan pesat membangun dalam kalangan negara - negara luar, KPM telah

melaksanakan beberapa tindakan bagi meningkatkan sistem pendidikan negara supaya bergerak seiring dengan kemajuan teknologi pada zaman ini. KPM telah mencorak langkah mentransformasi sistem pendidikan dengan memperkenalkan pedagogi abad ke-21 pada tahun 2014 untuk diterapkan dalam sistem pendidikan di negara ini. PAK21 yang turut dikenali dengan pembelajaran atau pedagogi abad ke-21 ini kian memfokuskan kepada pembelajaran yang mengutamakan murid dengan penggunaan teknologi. Pedagogi abad ke-21 ini melibatkan proses pembelajaran berfokuskan murid yang merangkumi beberapa komponen iaitu, etika, pemikiran kritis, kreativiti, nilai murni, komunikasi, dan kolaboratif. Komponen ini juga merupakan kriteria utama dalam pedagogi abad-21.

Tiga pelan utama berkaitan dengan TMK telah diubah dalam sistem pendidikan negara dan dikumpul serta disimpan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (2001-2010). Dalam agenda pembaharuan sistem pendidikan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyusun satu pelan tindakan dan dasar pengintegrasian teknologi dalam pendidikan. Penggabungan teknologi dalam pendidikan ditambah baik dalam rancangan pendidikan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Penggabungan teknologi dalam pendidikan telah membangkitkan beberapa isu dan halangan yang perlu diatasi oleh beberapa pihak termasuk guru, murid, ibu bapa dan pentadbir sekolah.

Sehubungan dengan itu, Wawasan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilancarkan pada tahun 1994 yang telah menentukan sasaran kecemerlangan di peringkat sekolah. Wawasan Pendidikan tersebut melibatkan 14 Sasaran Kerja Utama



KPM dan Piagam Pelanggan KPM yang merangkumi beberapa bahagian seperti penilaian dan pengukuran, penggunaan tenaga manusia, penyediaan kemudahan pendidikan rendah dan tinggi, memantapkan sistem pengurusan sekolah dan sebagainya. Bagi memenuhi Piagam Pelanggan dalam memberi khidmat terbaik kepada guru - guru dan murid - murid, pengurusan pendidikan di Malaysia menghadapi beberapa isu dan cabaran. Cabaran tersebut timbul adalah disebabkan oleh pertumbuhan pesat yang dihadapi negara pada saat ini, cabaran globalisasi dan dunia teknologi maklumat tanpa sempadan serta kemajuan dalam bidang pedagogi. Penggunaan teknologi semasa PdP di dalam kelas semakin penting ketika negara sedang menghadapi era globalisasi. Oleh itu, negara Malaysia tidak mahu ketinggalan dalam meningkatkan lagi penggunaan teknologi terutamanya dalam pembelajaran matematik dan sains. Ini telah menyebabkan inisiatif ini memerlukan penggunaan teknologi secara meluas dalam bidang pendidikan di negara ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengertian pendidikan berlainan dan berubah mengikut tujuan serta tugasnya. Oleh sebab itu, terdapatnya berbagai - bagai definisi pendidikan yang telah diberikan oleh para sarjana. Pendidikan atau lebih dikenali dengan *education* dalam bahasa Inggeris. “Pendidikan bukan sahaja dalam bentuk fizikal atau objek bahkan ianya merupakan sebuah idea” (Zakaria dan Abd. Rahman, 1987). Adler (1970) juga ada menjelaskan bahawa “pendidikan adalah bidang tertentu dalam apa juga keadaan yang menunjukkan





jalanan antara manusia dengan alam semula jadi. Manusia menimba ilmu melalui pertemuan dan pengalaman dengan alam”.

Sejak mula diperkenalkan, internet telah menunjukkan potensi yang besar bagi merubah pendekatan kita terhadap aspek pembelajaran dan pengajaran terutama dalam bidang pendidikan. Daripada penggunaan emel hinggalah kepada *World Wide Web*, internet telah membuka pintu yang luas kepada mendapatkan maklumat dan bertukar - tukar maklumat. Bagaimanapun, dalam kita meneroka keupayaan internet ini kita terdapat - cari satu pendekatan yang berkesan untuk mendapatkan sumber secara maksimum dan luas bagi tujuan pendidikan.



Menurut Abd. Latif Haji Gapor di dalam bukunya yang bertajuk “*Domain Penilaian Dalam Teknologi Pendidikan*”, menyatakan bahawa “pelaksanaan teknologi dalam bidang pendidikan bermaksud penggunaan secara terancang ilmu pengetahuan saintifik yang diintegrasikan semasa PdP dalam penghasilan objektif pengajaran”. “Terdapat lima domain yang telah dikenal pasti yang menjadi teras kepada teknologi pendidikan yang berasaskan definisi teknologi pendidikan pada tahun 1994” (Seel dan Richey, 1994). Antara lima domain tersebut ialah pengurusan, penilaian, penggunaan, pembangunan dan reka bentuk. Setiap domain memiliki hubungan yang kuat dan saling bergantung fungsi serta peranan di antara satu sama lain dalam memastikan peningkatan kualiti mutu mata pelajaran yang diajar di dalam bilik darjah.



Semasa sesi pembelajaran berlangsung, guru juga boleh mengaplikasikan ICT sebagai media, sumber pengajaran dan pembelajaran atau sebagai alat penyelidikan dan alat pengurusan. Merujuk kepada aplikasi ICT dalam pengajaran, menurut sistem pendidikan di sekolah menengah sekarang melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Malaysia (KBSM). “Oleh itu, secara umumnya komponen ini boleh diadaptasikan dengan teknologi ICT untuk membolehkan keberkesanan dalam pengajaran di samping dapat menarik minat pelajar” (Zaradi & Rozita, 2003).

Menurut Argawal & Malik (2012) menyatakan bahawa “contoh peralatan terkini yang bersifat interaktif dan menggunakan teknologi banyak digunakan semasa sesi PdP”. Manakala, menurut Brisibe & Obagah (2017), “penggunaan aplikasi video dalam PdP meningkat kerana perkembangan yang pesat dalam sistem telekomunikasi dan teknologi”. “Pengaplikasian multimedia dalam PdP dapat menambahkan kemahiran kepada guru untuk mempraktikkan teknologi dan memberi pengalaman serta ilmu pengetahuan yang baharu kepada murid. Selain itu, proses pembelajaran menjadi lebih menarik kerana penyampaian melalui teknologi elektronik seperti media sosial, forum, blog, e-mel dan laman sesawang” (M.Kom, 2020).

Kini, “tugas guru bukan hanya mendidik tetapi bertugas tanpa had waktu sebagai pemudah cara dan tenaga pengajar kepada murid” (Maria Uffa Zulkafeli, 2017). Menurut Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan (2018), “guru merupakan insan yang penting dalam mendidik anak bangsa. Guru perlu meningkatkan kualiti diri dalam PdP terutamanya dari segi teknik dan kaedah pengajaran”. Melalui teknik dan kaedah yang terkini serta berbeza daripada konvensional maka penyampaian ilmu dan maklumat

dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada murid. Pada waktu yang sama, ianya boleh memperhebatkan lagi sama ada kompetensi teknik serta kaedah pengajaran guru di sekolah.

Guru - guru perlu menambahbaik pengurusan dan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dan meningkatkan ilmu dalam bahan pengajaran terutamanya kandungan kurikulum bagi mencapai objektif pengajaran. Selain itu, penggunaan teknik, kaedah serta pendekatan yang digunakan dalam PdP perlu ditingkatkan oleh semua guru. Oleh itu, “kemahiran pengajaran teknologi perlu dipertingkatkan untuk membantu pelaksanaan pedagogi abad ke-21 dengan lebih baik. Dengan ini guru dapat melahirkan murid - murid yang cemerlang” (Norazimah Zakaria, Maizura Komari & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, 2020).

Menurut Mahanom dan Rohaida (2008), “suasana pembelajaran berbantuan komputer lebih fleksibel, tidak terhad dalam bilik darjah, tidak terkongkong dengan arahan guru, aktif dan berpusatkan murid”. Suasana ini mencetuskan daya pemikiran murid kerana mereka berupaya membuat penyelesaian masalah dalam tugas pembelajaran. Masalah yang timbul adalah perubahan suasana pengurusan pengajaran termasuk mengorganisasi murid bersesuaian dengan penggunaan teknologi. Perubahan yang berlaku telah memaksa guru menyesuaikan pengetahuan, kemahiran dan kepercayaan yang sedia ada dalam menentukan pedagogi yang akan digunakannya. Cabaran yang dihadapi ialah adakah guru mampu mengubah kepercayaan mereka di samping menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan selaras dengan perubahan akibat pengintegrasian teknologi dalam pendidikan.



Pengajaran dan pembelajaran pada masa kini yang memfokuskan kepada multimedia dapat memberi motivasi dan melahirkan pelajar yang kreatif dan berinovasi. Ia memperlihatkan perkembangan positif dalam dunia pendidikan hari ini. Oleh itu, dalam melahirkan pelajar yang cemerlang pada abad ke-21, guru-guru perlu memiliki ilmu dalam bidang teknologi dan multimedia dan mempersiapkan diri dari segi sikap afektif, kognitif dan tingkah laku sebagaimana harapan negara yang tercatat dalam FPK.

Falsafah Pendidikan Negara menggariskan beberapa panduan dari aspek nilai - nilai murni seperti aspek rohani, kemanusiaan dan sebagainya. Berdasarkan hal ini, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif dihasilkan dengan berteraskan matlamat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Antara tujuan utama pengajaran sastera ialah memperkenalkan unsur - unsur yang terdapat dalam sastera seperti agama, kemanusiaan, bahasa, moral, kebudayaan dan keindahan yang wujud dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, pembelajaran menggunakan multimedia berbentuk video perlu dipertingkatkan dan diperkembangkan lagi bagi meningkatkan kefahaman murid terhadap teks *Sulalatus Salatin* dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Dengan ini, murid akan didedahkan dengan penggunaan aplikasi teknologi yang semakin canggih pada zaman ini. Walaupun penggunaan aplikasi teknologi mempunyai keburukan atau kesan negatif, namun jika kita menggunakannya ke arah kebaikan, banyak manfaatnya dalam dunia pendidikan.



Apabila seorang guru itu gemar menggunakan media teknologi semasa sesi pengajarannya, ianya dapat mewujudkan minat dan prestasi pelajar dalam subjek tersebut. Ini secara tidak langsung mampu meningkatkan tahap motivasi guru apabila media yang dihasilkan dapat meningkatkan prestasi murid dan digunakan dengan sebaiknya. Seterusnya lagi menurut Agnes Chigona (2014), “dorongan motivasi dapat memberi aspirasi hidup, menyiapkan tugas dan mempunyai kerjaya”. Motivasi penting dalam sistem pendidikan yang dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Penggunaan multimedia semasa PdP memberi suatu gambaran yang positif kerana dapat membantu murid menguasai dan memahami topik pembelajaran dengan lebih baik serta menarik minat murid untuk menceburi mata pelajaran tersebut di sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Jika dilihat dari konteks pendidikan di negara ini, Malaysia mempunyai sistem pengurusan sekolah yang sangat baik berbanding negara - negara di rantau ASEAN ini. Oleh itu, untuk menjadikan sistem pendidikan negara yang bertaraf antarabangsa, pihak pengurusan sekolah termasuklah tenaga pengajar perlu berganding bahu dalam merealisasikan impian ini. Namun begitu, sekolah - sekolah di Malaysia ini mempunyai perbezaan dalam pelbagai aspek seperti jenis sekolah, lokasi sekolah iaitu, di luar bandar atau di bandar, frasarana sekolah, latar belakang sosioekonomi, budaya masyarakat setempat, kemahiran dan kelulusan yang ada pada tenaga pengajar di

sekolah dan lain - lain lagi. Faktor - faktor inilah yang menjadi kekangan kepada guru dalam meningkatkan keberkesanan penggunaan teknologi multimedia semasa pengajaran di dalam kelas.

Menurut Intan Marlina Mohd Ali & Madiawati Mamat (2017) “pada zaman moden ini bidang Kesusasteraan Melayu kurang mendapat sambutan yang menggalakkan sama ada di sekolah mahupun di universiti seolah - olah disisihkan oleh pelajar dan guru”. Ekoran daripada berkembangnya teknologi dan sains pada hari ini menyebabkan pelajar lebih berminat serta cenderung kepada subjek yang lebih popular serta sesuai mengikut zaman dan trend terkini. Justeru, bidang Kesusasteraan Melayu wajar merentas disiplin ilmu dengan menambah elemen teknologi dan multimedia supaya dapat menarik minat generasi kini.

Dalam kajian tersebut, tarikan teknologi seperti multimedia lebih menarik minat golongan muda terutamanya pelajar kerana ianya bersifat interaktif dan mudah digunakan untuk memahami serta menjiwai isi kandungan serta cerita yang terdapat dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini disebabkan golongan muda terutamanya pelajar lebih berminat untuk mendalami mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang dipersembahkan dalam bentuk multimedia seperti teks, grafik, audio, video, animasi dan penggunaan pelbagai warna yang menarik. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka terhadap bahan Kesusasteraan Melayu semasa sesi PdP.



Menurut Slaouti dan Barton pada tahun 2007, halangan - halangan seperti kekurangan mentor, kesuntukan masa, kebolehcapaian terhadap peranti dan kurang pengalaman juga antara sebab mengapa guru kurang menggunakan ICT (*Information and Communication Technology*) semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Tambahan lagi, guru - guru kurang mengaplikasikan penggunaan media seperti video semasa proses pengajaran di dalam kelas juga merupakan salah satu punca mengapa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu kurang diminati oleh murid - murid sama ada di sekolah mahupun di peringkat universiti. Ini berkait rapat dengan kurangnya ilmu pengetahuan dan kemahiran guru berkaitan dengan teknologi multimedia. Ini secara tidak langsung menyebabkan guru menghadapi kesukaran dan kesulitan untuk mencari maklumat berkaitan isi pengajaran untuk digunakan dalam media pengajaran.



Pada zaman era kemodenan ini, bahan pengajaran dan pembelajaran boleh dipelbagaikan mengikut kesesuaian tajuk pengajaran serta tidak hanya terhad kepada penggunaan papan putih dan pembacaan buku teks sama ada pengajaran secara tradisional semata - mata. Namun begitu, guru - guru masih mengajar menggunakan buku teks dan papan putih sahaja. Dengan ini, murid mudah merasa bosan semasa belajar Kesusasteraan Melayu di dalam kelas. Oleh itu, guru haruslah bijak dan mengambil inisiatif dalam mempelbagaikan penggunaan multimedia semasa pengajaran di dalam kelas. Guru perlu mempelajari dan mahir dalam penggunaan teknologi ICT supaya pengajaran di dalam kelas menggunakan multimedia. Guru menggunakan kemudahan teknologi masa kini yang telah ada seperti komputer, LCD, projektor, cakera padat, kamera digital dan sebagainya.





Kemudahan teknologi ini banyak membantu bukan sahaja dalam bidang ekonomi dan pentadbiran, malahan telah memberi impak yang besar dalam bidang pendidikan di negara ini. Penggunaan teknologi dan multimedia melibatkan semua peringkat pendidikan, bermula dari sekolah tadika sehinggalah ke peringkat universiti. Oleh sebab yang demikian, penggunaan teknologi telah banyak membantu para pendidik terutamanya guru di sekolah mengajar menggunakan multimedia. Ini secara tidak langsung dapat membantu murid untuk memahami dan menghayati karya sastra Melayu dengan lebih mendalam. Antara multimedia yang boleh digunakan oleh guru ialah pengajaran berbentuk video, slaid persembahan *Powerpoint*, *Powtoon*, *Youtube*, *Kahoot* dan sebagainya. Dengan ini, murid akan lebih bersemangat untuk belajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di dalam kelas.



Menurut Hanifah pada tahun 2020, “teknik pengajaran berkesan yang berunsurkan penggunaan teknologi pada masa kini hendaklah difahami dan dikuasai oleh golongan pendidik terutamanya guru agar sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di peringkat sekolah dapat digunakan secara meluas agar dapat mendorong murid untuk menguasai ilmu pengetahuan dan memberi pendedahan kepada proses pembelajaran yang menarik dan berbentuk interaktif di dalam kelas”. Oleh itu, sebagai seorang pendidik, seorang guru seharusnya memiliki kemahiran asas dalam penggunaan teknologi dan multimedia semasa sesi PdP di dalam kelas. Hal ini menjurus kepada kurangnya guru mengaplikasikan penggunaan video semasa sesi PdP di dalam kelas. Apabila guru kurang pengetahuan atau kurang minat dalam bidang multimedia, nescaya guru tidak akan mengaplikasikan penggunaan video semasa pengajaran di dalam kelas.





Keadaan ini tentunya mendatangkan kesan kepada sikap dan motivasi guru semasa bahan pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berasaskan video.

Beberapa kajian lain yang berkaitan telah dianalisis dari sudut isu dan manipulasi pembolehubah. Fadilla Anak Layang & Zamri Mahamod (2019), telah mengkaji sejauhmana pemahaman, kesediaan dan tingkah laku guru dalam melaksanakan dan mengaplikasikan penggunaan peta pemikiran *I-Think* semasa proses PdP Bahasa Melayu di sekolah rendah. Dapatan kajian beliau membuktikan bahawa “tahap pemahaman, tahap kesediaan dan tingkah laku guru dalam melaksanakan dan mengaplikasikan penggunaan peta pemikiran *I-Think* semasa proses PdP Bahasa Melayu di sekolah rendah berada di tahap yang tinggi”. Berbanding kajian Fadilla Anak Layang & Zamri Mahamod (2019) yang memfokuskan kepada pemahaman, kesediaan dan tingkah laku guru dalam melaksanakan dan mengaplikasikan penggunaan peta pemikiran *I-Think* semasa proses PdP Bahasa Melayu di sekolah rendah, penyelidikan ini pula memfokuskan kepada sikap dan motivasi guru terhadap bahan pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berasaskan video.

Selain itu, kajian Azhar Md. Sabil, Shamsudin Othman & Owing Ji Seng (2018), memfokuskan kepada pengajaran Bahasa Melayu dengan mengaplikasikan pendekatan didik hibur dalam aspek pengetahuan dan tingkah laku guru. Malahan, kajian Nur Ida Kamaruzaman & Aliza Alias (2020), memfokuskan kepada sekolah kebangsaan pendidikan khas telah lama melaksanakan pembelajaran berbentuk kolaboratif kepada murid berkeperluan khas yang memfokuskan kepada tahap pengetahuan dan tingkah laku guru. Oleh itu, persamaan penyelidikan ini dengan kajian





yang dijalankan oleh Fadilla Anak Layang & Zamri Mahamod (2019), Azhar Md. Sabil, Shamsudin Othman & Owing Ji Seng (2018) dan Nur Ida Kamaruzaman & Aliza Alias (2020) ialah mengkaji kesediaan dan sikap guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 semasa proses PnP di dalam kelas. Manakala, kelainan penyelidikan ini dengan kajian - kajian lain adalah dari segi kelompok dan responden kajian.

Sekiranya diperhatikan dengan teliti, didapati bahawa terdapat ramai guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah kini adalah terdiri daripada guru yang kurang layak (bukan opsyen) dan tidak berpengalaman dalam bidang ini. Salah satu alasan yang biasa disuarakan oleh pihak pentadbir sekolah adalah kekurangan guru opsyen di sekolah atau untuk mencukupi waktu mengajar guru yang bukan opsyen sastera. Akibatnya, ramai guru yang mengajar Kesusasteraan Melayu, mengajar hanya secukup untuk memenuhi waktu mengajar sahaja dan tidak berminat langsung terhadap mata pelajaran ini. Fenomena ini telah menjadi status Kesusasteraan Melayu tidak berubah malah akan menjadi semakin teruk dan keputusan peperiksaan juga semakin merosot. Keputusan peperiksaan ini semakin merosot disebabkan guru itu sendiri tidak mempunyai minat dan motivasi yang mendalam untuk mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Bagi mengelakkan masalah ini semakin meningkatkan, cara pengajaran guru perlu diubah dan dipelbagaikan supaya mata pelajaran Kesusasteraan Melayu itu menarik.

Sehubungan dengan itu, guru - guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu telah mempelbagaikan kaedah pengajaran teks *Sulalatus Salatin* supaya dapat menarik minat murid semasa sesi PdP berlangsung. Antaranya ialah guru





telah menggunakan video semasa pengajaran teks *Sulalatus Salatin* di dalam kelas. Oleh itu, kajian ini bertujuan ingin melihat sikap dan tahap motivasi semasa pengajaran teks *Sulalatus Salatin* menggunakan video di dalam kelas.

1.4 Objektif Kajian

Objektif merupakan sasaran sebenar yang digunakan oleh penyelidik untuk menyiapkan sesuatu kajian. Manakala, jangkaan awal daripada sesuatu proses dan aktiviti dikenali sebagai matlamat. Objektif merupakan perkara utama yang sering digunakan untuk mendapatkan sesuatu matlamat. Lantaran itu, objektif merangkumi tujuan utama yang boleh digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang terdapat dalam sesebuah kajian penyelidikan, objektif ialah perkara utama yang perlu dicapai bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat.

Objektif yang terang akan menunjukkan matlamat yang perlu dicapai dan dapat memberi panduan kepada penyelidik dalam menyiapkan sesuatu kajian penyelidikan. Apabila sesuatu penyelidikan tidak mempunyai objektif yang terang dan sesuai, pengkaji tidak dapat mencapai matlamatnya semasa melaksanakan hasil kajiannya. Objektif yang tidak jelas akan menyukarkan seseorang penyelidik untuk melaksanakan dan menyiapkan hasil kajiannya. Bagi menghasilkan objektif kajian yang sesuai, pengkaji disarankan menggunakan istilah jelas dan sesuai yang berkaitan dengan hasil kajian penyelidikan tersebut.



Kajian ini akan menghuraikan tiga objektif utama :

1. Mengenal pasti sikap guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berdasarkan pendekatan struktural.
2. Mengenal pasti motivasi guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan struktural.
3. Menganalisis hubungan antara sikap dan motivasi guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan struktural.

1.5 Soalan Kajian

Terdapat tiga soalan kajian yang utama iaitu :

1. Apakah sikap guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berdasarkan pendekatan struktural?
2. Apakah motivasi guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan struktural?
3. Bagaimanakah hubungan antara sikap dan motivasi guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan struktural?



1.6 Hipotesis Kajian

Apakah yang dimaksudkan dengan hipotesis?. Hipotesis merupakan sasaran sementara yang digunakan bagi menjelaskan petunjuk yang dikaji atau sebagai cara penyelesaian masalah dalam sesuatu kajian penyelidikan. Penyelidik menggunakan hipotesis sebagai jangkaan awal mengenai hubungan antara pemboleh ubah - pemboleh ubah yang terdapat di dalam sesuatu kajian penyelidikan.

Sesuatu hipotesis dirangka adalah disebabkan beberapa tujuan. Antara sebabnya ialah hipotesis memberi ramalan atau jangkaan sementara berkaitan sesuatu kajian yang sedang dijalankan. Selain itu, sesuatu hipotesis itu dibentuk adalah disebabkan dapat memberi kenyataan tentang kewujudan hubungan di antara pemboleh ubah - pemboleh ubah yang ada di dalam sesuatu kajian penyelidikan. Malahan, hipotesis berfungsi sebagai panduan kepada sesuatu kajian penyelidikan kerana ianya dapat mewakili satu objektif tertentu. Hipotesis dapat memastikan apa yang perlu dilaksanakan, kesesuaian fakta - fakta terpilih, jenis data yang perlu diperolehi, dan menetapkan asas penentuan sampel yang akan digunakan semasa melaksanakan kajian penyelidikan tersebut. Hipotesis juga boleh menetapkan kaedah penyelidikan yang boleh digunakan, mengemukakan analisis berstatistik yang diperlukan serta perkaitan antara pemboleh ubah - pemboleh ubah yang harus diuji. Dengan adanya hipotesis ini, ianya sedikit sebanyak dapat memberi panduan kepada penyelidik untuk menggunakan format yang telah dikhususkan dalam sesuatu kajian penyelidikan. Akhir sekali, hipotesis ini dapat memberi gambaran dan rangka awal tentang dapatan dan kesimpulan tentang kajian penyelidikan yang akan dilaksanakan.



Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa hipotesis yang dapat dibentuk:

1. Terdapat perkaitan antara sikap dan motivasi guru terhadap penghayatan teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan struktural.
2. Terdapat perkaitan hubungan antara sikap dan motivasi guru terhadap penghayatan teks *Sulalatus Salatin* berbentuk video berdasarkan pendekatan struktural.

1.7 Pendekatan dan Kerangka Teori Kajian

Pendekatan dan kerangka teori kajian adalah unsur yang sangat penting semasa menjalankan sesuatu kajian. Pendekatan dan kerangka teori merupakan satu landasan proses yang akan menjelaskan tentang teori yang akan digunakan di dalam sesuatu kajian. Menurut Kamarudin Haji Husin pada tahun 1988, “pendekatan merupakan sebuah kumpulan hipotesis yang sama - sama berhubung antara prinsip pengajaran bahasa, prinsip pembelajaran bahasa dan prinsip bahasa”.

Kerangka teori kajian merujuk kepada perancangan, tindakan dan laporan tentang sesebuah kajian. Kerangka teori kajian merupakan suatu bentuk yang menggabungkan semua elemen di dalam sesebuah teori yang digunakan. Kerangka teori kajian juga dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam meneliti sesuatu masalah yang menjadi fokus sesuatu kajian itu dijalankan. Kerangka teori kajian ialah

merangkumi semua aspek di dalam sesuatu kajian termasuklah proses mengenal pasti metodologi kajian akan yang digunakan.

1.7.1 Pendekatan Struktural


Pendekatan struktural merupakan salah satu pendekatan yang paling awal digunakan dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Menurut Kamarudin pada tahun 1988, “melalui pendekatan ini, Plato dan Aristotle telah menggariskan kriteria - kriteria dalam pelbagai genre sastera. Penggunaan pendekatan ini sememangnya lebih mengutamakan kepada struktur bahan pengajajaran semasa sesi PdP”. “Istilah struktur merupakan kata dasar kepada struktural. Struktur ialah aturan sesuatu terbentuk mahupun tercipta daripada beraneka komponen, aspek atau bahan hingga menjadi satu bentuk, ayat atau proses tersendiri” (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010). Menurut Kamarudin (1988) pula, menyuarakan bahawa “kaedah struktural ini bermaksud untuk menyelami bidang - bidang esusasteraan dari segi binaan mahupun struktur yang digunakan”.

Menurut Naffi Mat pada tahun 2006 di dalam buku *Glosari Pengajian Melayu*, “kaedah struktural adalah cara pengajaran kesusasteraan yang menerapkan aspek kajian tertentu seperti tema, mesej, persoalan, pengajaran, nilai murni, amanat, gaya bahasa, perwatakan secara tersusun mahupun terancang”. Untuk menggunakan pendekatan ini dalam pedagogi, guru haruslah mempunyai pengetahuan mengenai subjek mahupun nukilan diterapkan dalam diri murid. Semua komponen yang membina format sesuatu

nukilan itu mesti difahami dan dikuasai oleh guru itu. Hal ini memainkan peranan yang penting bagi menentukan prosedur pengajaran guru mencapai matlamatnya.

Rajah 1.1

Pendekatan Struktural



Keistimewaan Pendekatan Struktural

Kaedah struktural ini merujuk kepada penyelidikan tentang unsur - unsur yang membentuk karya tersebut. Jelaslah bahawa pengajaran yang menerapkan cara ini akan dapat mengukuhkan penguasaan serta memudahkan pelajar memahami nukilan yang tertulis. “Dalam pada itu, cara ini juga dapat membantu pelajar untuk mengetahui matlamat sesuatu nukilan kesusasteraan sebagai suatu penciptaan imaginasi, manipulasi, emosi, buah fikiran, pelbagai pengalaman, penerapan pengetahuan, renungan ke dalam diri dan kerohanian” (Kamarudin Haji Husin, 1988: 43).

1.8 Batasan Kajian

Dalam konteks kajian ini, akan menumpukan kepada teks *Sulalatus Salatin* kerana teks ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu di tingkatan enam berbanding teks lain. Kajian ini akan memfokuskan kepada salah satu kandungan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif di tingkatan 6 iaitu, bahagian sastra dan pembangunan. Hal ini disebabkan bahagian ini berfokuskan kepada menelusuri teks karya agung iaitu, teks *Sulalatus Salatin*. Selain itu, kajian ini memfokuskan kepada penggunaan bahan berbentuk video berbanding media lain semasa pengajaran dan pembelajaran teks *Sulalatus Salatin* di tingkatan enam. Ini adalah disebabkan kerana video merupakan gabungan teks, grafik, audio dan animasi.

Manakala, kajian ini juga memfokuskan kepada kandungan teks *Sulalatus Salatin* yang terdiri daripada tema, persoalan, plot, watak dan perwatakan, latar (tempat, masa dan masyarakat), gaya bahasa, nilai dan pengajaran. Akhir sekali, kajian ini menggunakan pendekatan Struktural berbanding pendekatan lain kerana kajian ini lebih tertumpu kepada kajian tentang penggunaan video oleh guru semasa proses PdP di dalam kelas.

Kajian ini membataskan kepada guru - guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan enam melibatkan empat negeri di Malaysia. Manakala, bagi sampel kajian ini hanya terbatas kepada 32 orang guru Kesusasteraan Melayu tingkatan enam di negeri Perak, Selangor, Pahang dan Terengganu. Kajian ini hanya menghadkan di empat buah negeri disebabkan negeri – negeri ini dekat dengan pengkaji. Ini secara tidak langsung memudahkan pengkaji mendapatkan dapatan kajian. Guru - guru ini akan menjawab borang soal selidik berkaitan sikap dan motivasi guru

dalam pengajaran video teks *Sulalatus Salatin* secara atas talian. Oleh itu, kejujuran responden semasa menjawab item - item yang terdapat dalam set borang soal selidik amat diperlukan dalam kajian ini. Segala data dan maklum balas daripada pihak responden berkaitan set borang soal selidik ini bersifat tertutup dan hanya dimanfaatkan untuk kajian ini. Segala dapatan dan perbincangan di dalam kajian ini adalah berdasarkan data yang diperolehi daripada set borang soal selidik yang diberi kepada responden yang terlibat di dalam kajian ini sahaja.

1.9 Definisi Operasional

Kajian ini, akan menghuraikan maksud definisi operasional yang berkait rapat dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan. Dengan adanya definisi operasional ini, ianya dapat menerangkan dengan lebih jelas tentang istilah atau konsep dalam konteks tertentu kepada pembaca terhadap kajian ini. Antara definisi - definisi operasional yang digunakan di dalam kajian ini ialah sikap, motivasi, video dalam pengajaran dan *Sulalatus Salatin*.

1.9.1 Sikap

Sikap merupakan suatu unsur keperibadian yang mempengaruhi cara seseorang dalam bertingkah laku dan bertindak. Oleh itu, “sikap memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia, semasa menghadapi pilihannya seseorang dipengaruhi oleh sikapnya” (Winkel, 1983: 11).

Menurut Mueller (1986), “sikap adalah elemen penting dalam diri seseorang kerana ia mempengaruhi individu berkenaan dalam membuat keputusan”. Selain itu, menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015), “sikap bermaksud kelakuan seseorang yang sudah sebatu benar dengannya, tabiat dan watak”. Sikap ialah tingkah laku yang dilakukan di hadapan orang. Setiap gerak geri atau tingkah laku akan menunjukkan sikap seseorang individu. Sikap juga meliputi gaya atau rupa yang khusus mengenai sesuatu.

Rumusannya, definisi konsep sikap yang digunakan untuk kajian ini ialah berdasarkan konsep yang diberikan (Winkel, W. S, 1983: 11). Oleh itu, berdasarkan kajian ini, sikap yang dimaksudkan mewakili tingkah laku guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berasaskan video. Sikap ini ditunjukkan melalui amalan yang dilakukan apabila mengajar teks *Sulalatus Salatin* di dalam bilik darjah. Malahan, sikap yang difokuskan untuk kajian ini ialah tingkah laku guru dalam mempelbagaikan teknik pengajaran yang selari dengan pembelajaran abad ke-21.

1.9.2 Motivasi

Menurut Ma'rof Redzuan dan Haslinda (2002), “motivasi merupakan suatu keadaan dalaman yang memberi panduan dan membimbing pemikiran, tingkah laku serta perasaan”. Malahan, ianya menggambarkan perihai yang menggerakkan dan mengawal tingkah laku ke arah penerimaan sesuatu matlamat.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), “motivasi juga merupakan dorongan yang kuat atau kehendak yang tinggi pada diri individu yang mendorongnya untuk berusaha dan melaksanakan sesuatu dengan harapan untuk menggapai kemenangan”. Selain itu, motivasi bermaksud sesuatu yang mendorong atau mengubah seseorang untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan penuh minat.

Rumusannya, definisi konsep motivasi yang digunakan untuk kajian ini ialah berdasarkan konsep yang dikeluarkan oleh *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) bersesuaian dengan kajian ini. Dalam kajian ini, motivasi merujuk kepada semangat dan keinginan yang kuat dalam diri guru terhadap pengajaran teks *Sulalatus Salatin* berasaskan video. Motivasi ini ditunjukkan melalui amalan yang dilakukan apabila mengajar teks *Sulalatus Salatin* di dalam bilik darjah. Malahan, motivasi yang digunakan untuk kajian ini ialah motivasi positif iaitu, semangat dan keinginan guru mempelbagaikan teknik pengajaran yang selari dengan pembelajaran abad ke-21.



1.9.3 Video dalam Pengajaran

Menurut Shukri dan Noraini (2009), “pengajaran merangkumi segala strategi, pendekatan atau langkah yang dilaksanakan untuk mempersembahkan isi kandungan mata pelajaran yang terkandung dalam kurikulum. Corak pengajaran yang berkesan bukan sahaja merujuk kepada gaya dan langkah yang teratur tetapi juga matlamat yang tepat malah boleh dicapai. Pembelajaran boleh berlaku di mana - mana sahaja dan pada bila - bila masa”.

Menurut Rozinah Jamaludin (2005), “video dikategorikan sebagai satu komponen utama dalam bidang multimedia”. Malahan, penggunaan video yang diintegrasikan audio, teks, gambar dan animasi mampu merangsang murid untuk lebih memahami atau menguasai kemahiran yang diperlukan. Selain itu, video boleh diulang - ulang proses tayangannya dan mudah dimainkan dalam pelbagai platform teknologi seperti komputer, telefon bimbit, tablet dan sebagainya.

Manakala, penggunaan video dalam pembelajaran merupakan salah satu media yang dapat membantu guru dalam menyampaikan pengajaran. Video pembelajaran boleh didefinisikan sebagai gabungan bunyi dan visual yang direkod ke dalam pita video serta dimainkan melalui kaca TV. “Televisyen dan pita video telah berjaya menjadi suatu media dalam pendidikan tidak formal dan formal” (Barry Tomalin, 1986).



1.9.4 *Sulalatus Salatin*

Sulalatus Salatin merupakan sebuah buku teks Kesusasteraan Melayu yang digunakan di tingkatan enam. Nama *Sulalatus Salatin* juga turut dipanggil sebagai Sejarah Melayu. Buku teks ini menceritakan tentang sejarah - sejarah pemerintahan zaman raja - raja Melayu Melaka. Buku teks ini menceritakan sejarah mengenai kebangkitan, kegemilangan dan kejatuhan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Sejarah zaman Kesultanan Melayu Melaka berakhir dengan kisah Sultan Mahmud Syah yang merupakan raja terakhir pada zaman Melayu Melaka. Dokumen ini dianggap penting dalam masyarakat Melayu kerana ianya menceritakan tentang susur galur raja - raja, sejarah kerajaan, kebudayaan, adat istiadat pada zaman Melayu Melaka. Dokumen ini telah dimasukkan di dalam senarai Warisan Ingatan Dunia UNESCO (*United Educational, Scientific and Cultural Organization*) pada tahun 2001. Terdapat sekurang - kurangnya 29 versi naskhah *Sulalatus Salatin*.

1.10 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan mempunyai kepentingannya yang tersendiri sama ada di dalam bidang pendidikan ataupun secara umum. Kajian ini akan dijadikan sebagai bahan rujukan kepada mahasiswa - mahasiswi, guru Kesusasteraan Melayu, pihak sekolah, institusi terutamanya universiti pendidikan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hal ini demikian kerana kajian ini akan membincangkan tentang

hubungan sikap dan motivasi guru dalam pengajaran video teks *Sulalatus Salatin*. Diharapkan dengan adanya kajian ini, dapat memberi maklumat dan ilmu pengetahuan yang baru kepada setiap individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

1.10.1 Mahasiswa - Mahasiswi

Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan bahan rujukan oleh mahasiswa - mahasiswi yang ingin membuat kajian berkaitan dengan tajuk yang berkaitan.

Mahasiswa - mahasiswi yang mengambil bidang pendidikan, yang bakal menjadi seorang guru boleh menggunakan kajian ini sebagai panduan dalam meningkatkan motivasi apabila menjadi seorang guru di sekolah kelak. Melalui kajian ini juga, mahasiswa - mahasiswi didedahkan dengan sikap dan motivasi guru semasa mengajar teks *Sulalatus Salatin* di dalam kelas. Sikap dan motivasi seseorang guru adalah penting sebelum sesuatu sesi pengajaran di dalam kelas berlangsung. Oleh itu, seorang guru haruslah mempunyai sikap dan motivasi yang tinggi sebelum memulakan sesuatu pengajaran. Berdasarkan kajian ini, ianya dapat memberi maklumat dan gambaran awal kepada mahasiswa - mahasiswi bagaimana sesuatu penyelidikan itu dilaksanakan.

1.10.2 Guru Kesusasteraan Melayu

Seterusnya, melalui kajian ini, ianya dapat memberi manfaat kepada guru - guru khususnya guru Kesusasteraan Melayu tingkatan enam dalam membuat persediaan dari segi sikap dan motivasi dalam pengajaran teks *Sulalatus Salatin*. Oleh itu, guru - guru seharusnya mempunyai sikap dan motivasi yang tinggi agar proses pembelajaran di dalam kelas dapat dilaksanakan dengan baik. Dengan ini, guru dapat memperbaiki dan mempertingkatkan motivasi diri semasa mengajar di dalam kelas terutamanya bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Dengan penggunaan multimedia ini, murid akan lebih mudah memahami dan dapat menghilangkan kebosanan semasa membaca teks *Sulalatus Salatin* kerana ada penggunaan ilustrasi dan simbol - simbol yang menarik.

Dengan kajian ini, dapat mempengaruhi tahap kesediaan sikap dan motivasi guru semasa pengajaran teks *Sulalatus Salatin* di dalam kelas.

1.10.3 Pihak Sekolah

Di peringkat sekolah pula, dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai petunjuk dan menjadi bimbingan kepada pihak pentadbir bagi melaksanakan program atau bengkel dalam meningkatkan sikap dan motivasi diri dalam kalangan guru. Malahan, melalui kajian ini dapat membantu pihak pentadbir dalam memberi bimbingan dan sokongan kepada guru - guru khususnya guru Kesusasteraan Melayu bagi menerapkan sikap baik serta motivasi yang tinggi dalam diri. Apabila guru mempunyai sikap baik dan motivasi

yang tinggi, nescaya prestasi murid dalam pembelajaran meningkat sekaligus dapat menaikkan imej sekolah.

1.10.4 Pihak Institusi Pendidikan

Selain dapat memberi manfaat kepada mahasiswa - mahasiswi dan guru - guru, kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan bahan rujukan kepada pihak institusi pendidikan di negara ini. Berpandukan kajian ini, pihak institusi pendidikan dapat mempertingkatkan lagi peranan dalam merancang pelaksanaan lain untuk menerapkan motivasi dan memperkembangkan pengajaran guru di sekolah. Kajian ini dapat dijadikan sebagai kayu pengukur dan panduan kepada pihak institusi untuk melatih guru - guru pelatih supaya mempunyai sikap yang baik dan motivasi yang tinggi ketika proses pengajaran di kelas. Diharapkan pihak institusi pendidikan dapat menerapkan sikap yang baik dan motivasi yang tinggi dalam kalangan mahasiswa - mahasiswi yang bakal menjalani latihan mengajar.

1.10.5 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Di samping itu, diharapkan dengan adanya kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mempertingkatkan sistem dan taraf



pendidikan negara ke peringkat antarabangsa. Dengan adanya kajian ini juga, diharapkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dapat mencipta modul - modul dan standard pelajaran yang memfokuskan penerapan sikap yang baik dan meningkatkan motivasi kepada golongan guru di institusi pendidikan. Oleh itu, sistem pendidikan di negara ini perlu dirombak dan ditambahbaik demi melahirkan generasi muda yang berkualiti dari pelbagai aspek. Oleh itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia haruslah memainkan peranan yang penting dalam menambahbaik program - program pendidikan, standard pelajaran serta modul - modul yang berkaitan.

1.11 Kesimpulan



Pendidikan merupakan komponen utama dalam membangunkan sesebuah negara. Negara yang maju akan mengutamakan pendidikan dalam kalangan masyarakatnya. Penggunaan teknologi media dalam sistem pendidikan negara telah memberi impak yang positif dalam pembangunan negara. Hal ini demikian kerana kejayaan dan pembangunan sesebuah negara terletak pada sistem pendidikannya.

Tambahan pula, pendidikan juga bermaksud memelihara atau mengasuh. Oleh itu, apabila dikatakan teknologi dalam pendidikan bermaksud segala idea, teori, kaedah yang digunakan bersama - sama peralatan bagi mengasuh atau memelihara individu semasa pengajaran. Teknologi pengajaran pula ialah segala peralatan bersama - sama dengan kaedah atau idea disepadukan dalam proses pengajaran oleh guru semasa di





dalam kelas. Teknologi pembelajaran lebih memberi penekanan terhadap kaedah yang digunakan oleh murid dalam pembelajaran untuk diri sendiri.

Malahan, guru - guru haruslah sentiasa bersedia dalam menghadapi cabaran dan pembaharuan ke arah penggunaan teknologi multimedia dalam dunia pendidikan di negara ini. Pada masa kini, bidang pendidikan di negara ini haruslah bergerak seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin maju tanpa sempadan. Oleh itu, guru - guru haruslah sentiasa bersedia dalam pelbagai aspek seperti aspek pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat. Di samping itu, guru - guru perlu merancang secara sistematik supaya teknologi multimedia yang digunakan benar - benar memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini demikian kerana ianya akan memberi impak kepada prestasi dan kejayaan seseorang murid itu. Jika sesebuah peranti dan internet digunakan dengan sebaiknya, ianya akan mendatangkan banyak faedah kepada guru - guru dan murid - murid. Oleh itu, potensi penggunaan internet semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah amat besar, maka kita tidak boleh melepaskan peluang ini begitu sahaja. Kemudahan internet telah menyediakan satu sistem penyampaian yang mampu menyebarkan maklumat kepada semua pengguna merentasi sempadan di seluruh dunia.

Selain itu, walaupun golongan guru merupakan tunjang utama dalam meningkatkan tahap pendidikan dalam kalangan masyarakat namun ianya tidak akan berhasil tanpa bantuan dan kerjasama daripada semua pihak. Sehubungan dengan itu, dalam meningkatkan sistem pendidikan di negara ini, tidak hanya terletak di bahu guru





- guru tetapi ianya melibatkan penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak di negara ini. Semua pihak haruslah bersama - sama memikul tanggungjawab ini.

Secara keseluruhannya, pada bab ini telah menjelaskan tentang pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Di samping itu, definisi operasional juga turut diuraikan bagi memudahkan pembaca untuk memahami tentang kajian yang dilaksanakan ini.

